

# Kerjasama UMS dan pemain industri rangsang sosio ekonomi, jana pertumbuhan

NST 20.8.2019 2

KOTA KINABALU: Kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan pemain industri bukan sahaja mengukuhkan penyelidikan tetapi juga merangsang sosio ekonomi dan menjana pertumbuhan kepada masyarakat di Sabah.

Naib Canselor UMS Prof Dr Taufik Yap Yun Hin berkata perkongsian sejati antara kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan adalah penting untuk memastikan kejayaan generasi akan datang.

Beliau berkata antara aktiviti yang membolehkan ini adalah input dari industri kepada graduan, sama ada mereka telahpun atau akan berada dalam tenaga kerja dalam masa yang singkat.

"Mengkaji kurikulum membolehkan kami terus meningkatkan graduan kami dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh industri.

"Ada yang mungkin berta-

nya kenapa kita harus memanfaatkannya? Menyediakan bakat kepada industri akan menjadi aset kepada negara," katanya pada perasmian Simposium IT Sabah oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal di sini kelmarin.

Beliau berkata rakan industri baharu universiti ialah Cybersecurity Malaysia, Celcom Timur Sabah Sdn Bhd, Microsoft

(Malaysia) Sdn Bhd, NEM Malaysia Sdn Bhd, Fusionex Innovation dan MISA Sdn Bhd.

Taufik berkata beberapa kejayaan telah dicapai dalam kerjasama industri-akademik yang sedang berjalan dan contohnya ialah penubuhan Makmal Huawei yang membolehkan pelajar menjalani latihan dan akhirnya memperoleh pensijilan. - Bernama

## JADUAL SOLAT

TEMPAT	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kota Kinabalu / P. Barat	4.52	12.21	3.34	6.29	7.40
Kudat	4.48	12.18	3.30	6.27	7.38
Pedalaman Atas	4.52	12.21	3.34	6.28	7.39
Pedalaman Bahaw	4.55	12.23	3.36	6.30	7.41
Sandakan (Timur)	4.45	12.14	3.27	6.22	7.33
Sandakan (Barat)	4.50	12.18	3.31	6.25	7.36
Bahagian Tawau	4.48	12.15	3.30	6.22	7.33